

11/06/1998

Dana khas kumpul RM24.796j

Rosli Safar

KUCHING, Rabu - Dana Khas Negara kini mempunyai tabungan dalam bentuk wang tunai, termasuk mata wang asing dan barangan berharga keseluruhan bernilai RM24.796 juta, hasil sumbangan warga negara yang patriotik.

Sumbangan terbaru diterima daripada Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad, semalam dalam bentuk mata wang Jepun berjumlah 2.9 juta yen (AS\$15,000).

Timbalan Setiausaha Bahagian Pentadbiran Perbendaharaan Negara, Ainon Kuntom, berkata Dr Mahathir menyerahkan wang hasil syarahannya ketika mengadakan lawatan kerja selama lima hari ke Jepun baru-baru ini kepada Perbendaharaan untuk dana berkenaan.

"Sumbangan Perdana Menteri kepada dana itu adalah yang kedua. Sebelum ini beliau dan isteri menyumbang koleksi mata wang asing dan barangan kemas peribadi bernilai RM84,000," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, di sini hari ini.

Hadir sama Setiausaha Persekutuan Sarawak, Datuk Megat Muhaiyadin Megat Hassan dan Penolong Setiausaha Bahagian Pentadbiran Perbendaharaan Negara, Mohd Radzi Abdul Hamid.

Ainon mengadakan lawatan sehari ke Sarawak dalam usaha mempromosi dan menggalakkan sumbangan orang ramai di negeri ini terhadap Dana Khas Negara itu yang dilancarkan sejak Mac lalu. Lawatan yang sama juga akan diadakan ke negeri-negeri lain.

Beliau berkata, orang ramai patut menyumbang kepada dana berkenaan bagi membantu mengurangkan beban dihadapi kerajaan, pada masa yang sama membuktikan semangat patriotik terhadap negara.

Katanya, permasalahan yang dihadapi negara seharusnya dipikul bersama kerana kerajaan sebelum ini sudah melakukan yang terbaik untuk faedah semua rakyat.

Beliau berkata, bagi mereka yang menyumbang lebih RM10,000, sijil penghargaan akan diberikan. Selain itu, sumbangan kepada dana dikecualikan daripada cukai.

Mengenai sambutan di Sarawak, Ainon berkata setakat yang beliau tahu cuma dua sumbangan dilakukan iaitu wang tunai RM10,000 oleh isteri Ketua Menteri, Puan Sri Laila Taib ketika pelancaran dana itu dan sumbangan emas seberat 400 gram oleh seorang lelaki di Sibu.

"Saya masih belum mendapat maklumat mengenai sumbangan pihak lain yang mungkin disalurkan menerusi agensi yang dipertanggungjawab mengumpul sumbangan orang ramai di negeri ini," katanya.

Sumbangan boleh disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi sumbangan mata wang tempatan dan mata wang asing; Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (barang kemas) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) (mata wang tempatan, mata wang asing dan barangan kemas).

(END)